

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon: 03 - 8090 4681

SIARAN SEGERA

DOSM Komited Dalam Pelaksanaan Kerja Luar Pengumpulan Data Banci Pertanian 2024

PUTRAJAYA, 23 Ogos 2024 - Banci Pertanian 2024 telah bermula sejak 7 Julai 2024 dan akan diteruskan sehingga 10 Oktober 2024, bagi memberikan gambaran terkini keadaan sektor pertanian Malaysia secara menyeluruh. Pada hari ini, kita telah mengharungi separuh daripada tempoh tiga bulan kerja luar pelaksanaan banci di seluruh negara dan berbaki 48 hari lagi sebelum berakhirnya tempoh operasi banci. Pesuruhjaya Banci, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjangkakan hasil bancian dapat dijadikan sebagai titik rujukan dalam penggubalan dasar yang lebih strategik dalam sektor pertanian negara.

Responden yang disasarkan dalam Banci Pertanian 2024 terdiri daripada individu seperti petani, nelayan, dan penternak. Selain itu, Banci ini juga menyasarkan pertubuhan perniagaan seperti ladang dan aktiviti pertanian yang dijalankan oleh institusi seperti koperasi dan penjara. Liputan banci pada kali ini adalah menyeluruh berbanding bancian kali terakhir pada 2005 iaitu merangkumi subsektor tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur, perhutanan dan pembalakan.

Simbolik kepada pelaksanaan Banci Pertanian 2024, Majlis Peluncuran Banci Pertanian 2024 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor pada 4 Julai 2024. Seterusnya, "Kick-Off" kerja luar telah disempurnakan oleh Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024 di Kampung Kok Klang, Perlis pada 7 Julai 2024. Sesi Turun Padang turut dilaksanakan di daerah terpilih bagi bertemu dengan pengusaha, di samping melaksanakan pemantauan dan mendapatkan maklumbalas dari pembanci dan penyelia berkaitan pelaksanaan Banci di daerah.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Setakat hari ini, secara keseluruhan kemajuan kerja luar operasi pembancian adalah 623,338 pegangan pertanian yang mana sebanyak 614,066 tempat kediaman dan 9,272 pertubuhan perniagaan telah dilawati". Daripada 623,338 pegangan pertanian tersebut, analisis di peringkat negeri menunjukkan tiga negeri merekodkan jumlah kes dilawati tertinggi iaitu Sabah (134,742) diikuti Johor (103,976), dan Sarawak (66,196).

Menurut beliau, dianggarkan sebanyak 1.12 juta tempat kediaman dan 20,000 pertubuhan akan diliputi sepanjang tiga bulan bancian ini dijalankan. Aktiviti ini akan melibatkan seramai kira-kira 5,000 pembanci dan penyelia kerja luar dan dianggarkan seorang pembanci boleh melengkapkan tiga hingga empat maklumat soal selidik sehari. Berbaki kurang dua bulan dari tarikh akhir Banci iaitu 10 Oktober 2024, kerja-kerja prosesan borang dan tangkapan data akan melibatkan kira-kira 1,700 pembanci dan penyelia prosesan di seluruh negara.

Bagi memastikan keberkesanan data yang bakal dihasilkan, Mohd Uzir meminta kesemua pengusaha pertanian yang terlibat dalam aktiviti pertanian sama ada peringkat hulu dan hiliran memberikan maklumat yang jujur dan tepat kepada pembanci. "Saya merayu kepada isi rumah pengusaha pertanian dan pertubuhan perniagaan dari semua peringkat untuk memberikan maklumat yang tepat dan lengkap mengenai soal selidik," gesanya.

Maklumat lanjut berkaitan Banci Pertanian 2024 boleh dilayari di portal Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu www.myagricensus.gov.my dan laman Facebook Banci Pertanian 2024 www.facebook.com/bancipertanian2024/. Tema Banci Pertanian 2024 adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”. Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Jadual 1: Status Kemajuan Kerja Luar (Kes Dilawati dan Kes Selesai) bagi Banci Pertanian 2024 Mengikut Negeri

Negeri	Jumlah Kes Pertanian	Jumlah Kes dilawati	Peratus Kes dilawati (%)	Jumlah Kes selesai	Peratus kes selesai (%) dari kes dilawati	Peratus kes selesai (%) dari keseluruhan kes Pertanian
Malaysia	1,197,309	623,338	52.1	513,522	82.4	42.9
Johor	196,229	103,976	53.0	73,567	70.8	37.5
Kedah	82,904	49,122	59.3	35,963	73.2	43.4
Kelantan	88,035	44,398	50.4	39,472	88.9	44.8
Melaka	18,729	6,303	33.7	5,544	88.0	29.6
N. Sembilan	38,812	17,358	44.7	14,695	84.7	37.9
Pahang	85,546	45,582	53.3	41,361	90.7	48.3
P. Pinang	19,257	13,649	70.9	10,606	77.7	55.1
Perak	69,919	29,989	42.9	25,429	84.8	36.4
Perlis	14,266	7,436	52.1	4,782	64.3	33.5
Selangor	69,800	42,208	60.5	34,731	82.3	49.8
Terengganu	92,838	57,762	62.2	52,753	91.3	56.8
Sabah	253,872	134,742	53.1	113,901	84.5	44.9
Sarawak	160,028	66,196	41.4	58,275	88.0	36.4
W.P. Kuala Lumpur	3,243	1,871	57.7	544	29.1	16.8
W.P. Labuan	3,626	2,610	72.0	1,765	67.6	48.7
W.P. Putrajaya	205	136	66.3	134	98.5	65.4

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
23 Ogos 2024**